


Suara

MITASA



PEMANGKIN KEJAYAAN BERSAMA



OMBUDSMAN
DAN UNIVERSITI

MESYUARAT AGUNG
TRI TAHUNAN MITASA
2025-2028

MAJLIS SAMBUTAN HARI
DAN BULAN AKADEMIKA
UITM 2025

PEMBENTANGAN LIMA KERTAS KERJA
KESETERAAN PENYELIAAN MELIBATKAN
KENAIKAN PANGKAT

WACANA TOKOH: BAHASA DAN JATI DIRI
BANGSA DI KONVENSYEN 152 PERINGKAT
KEBANGSAAN 2025

Kunjungan Hormat ke Pejabat Pengarah Pusat Asasi UiTM, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil

- Pada 6 November 2025, MITASA telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Pengarah Pusat Asasi UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil. Pertemuan di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 4, Pusat Asasi UiTM Kampus Dengkil itu diketuai Presiden MITASA, Encik Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli dan Prof Dr Zulkhairi Amom, Pengarah Pusat Asasi UiTM. Perbincangan adalah berkaitan pendirian pengurusan Pusat Asasi UiTM berkaitan dengan perancangan halatuju status perjawatan pensyarah Pusat Asasi yang memikul beban pemberatan

pengajaran di samping cabaran memenuhi kriteria penyeliaan untuk kenaikan pangkat. Persetujuan juga diperolehi daripada Prof Pengarah Pusat Asasi bahawa beliau menyokong Kertas Kerja Cadangan Kesetaraan Penyeliaan Khas Pusat Asasi yang diusahakan dan telah diserahkan oleh MITASA kepada Naib Canselor pada 17 Julai 2025 yang lalu. Pertemuan itu juga dihadiri Penolong Setiausaha MITASA, Encik Mohd Shahrudin Mohmud dan EXCO MITASA, Puan Atifah Othman, Dr Ahmad Muhyiddin Yusof dan Encik Syazwan Syuwairi Nordin.



Mesyuarat bersama Koperasi UiTM

- Pada 9 Oktober 2025, MITASA telah mengadakan mesyuarat bersama Koperasi UiTM dan Takaful Malaysia bagi membincangkan kerjasama strategik melibatkan MITASA. Mesyuarat dipengerusikan oleh Presiden MITASA, En. Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli. Mesyuarat berkenaan adalah untuk melakukan beberapa pelarasan khususnya melibatkan ambilan insurans bagi perlindungan exco-exco MITASA bagi penggal 2025-2028. MITASA adalah sebuah kesatuan maka kebanyakan ahli exconya sentiasa bergerak melepasi UiTM Cawangan untuk setiap gerak kerja MITASA dan dengan adanya insurans ini, maka ia dilihat sebagai inisiatif perlindungan untuk mereka yang bertugas selain melakukan tugas-tugas hakiki sebagai kakitangan UiTM.



PERFECTION IS NOT ATTAINABLE.

**BUT IF WE CHASE PERFECTION,
WE CAN CHASE**

EXCELLENCE.